

**SOALAN NO: 64**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
JAWAPAN OLEH Y.B. DATUK SERI S.SUBRAMANIAM  
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**  
**DARIPADA : Dr. Azman Bin Ismail [Kuala Kedah]**  
**TARIKH : -**  
**SOALAN : 64**

**Dr. Azman Bin Ismail [ Kuala Kedah ]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan statistik terakhir rakyat Malaysia yang dijangkiti Hepatitis B, Hepatitis C dan virus HIV. Mohon diberikan jumlah penghidap Hepatitis C yang telah menerima rawatan ubat Sofosbuvir generik sejak Malaysia memperoleh lesen mengimport ubat Sofosbuvir generik.

**Tuan Yang di Pertua,**

Bilangan kes HIV baru di Malaysia pada amnya telah menunjukkan tren penurunan berbanding bilangan tertinggi kes HIV yang dilaporkan pada tahun 2002 iaitu sebanyak 6,978 orang atau pada kadar 28.5 kepada 10.3 kes bagi setiap 100,000 penduduk pada tahun 2017. Bilangan terkumpul kes HIV yang dilaporkan sejak tahun 1986 sehingga Disember 2017 adalah sebanyak 115,263 kes. Manakala, kumulatif kes AIDS adalah sebanyak 25,006 dan kematian disebabkan oleh HIV / AIDS adalah sebanyak 19,719 kes. Bagi tahun 2017 sahaja, sebanyak 3,347 kes HIV baru telah dilaporkan.

178

Bagi kes Hepatitis C pula, sebanyak 3,089 kes dilaporkan pada tahun 2017 dengan kadar 9.5 kes dalam 100,000 penduduk. Sebanyak 2,996 kes masih hidup iaitu dengan kadar 9.3 kes dalam 100,000 penduduk manakala sebanyak 93 kes iaitu dengan kadar 0.3 kes dalam 100,000 penduduk dilaporkan telah meninggal dunia.

Untuk makluman YB Kuala Kedah, Kementerian Kesihatan Malaysia telah mendapat kelulusan daripada Jemaah Menteri bagi melaksanakan Hak Kerajaan untuk mengeksploitasi produk Sofosbuvir yang masih berpaten seperti yang telah diwar-warkan dalam kenyataan akhbar bertarikh 20 September 2017. Urusan perolehan untuk sofosbuvir telah dilaksanakan, ubat tersebut telahpun berada di Malaysia dan rawatan kepada pesakit Hepatitis C dijangka dapat dimulakan pada bulan Mac 2018.